

01 AUG 2003

Mustapa-Umno

UMNO KELANTAN SEDANG BUAT PERSIAPAN HADAPI P/RAYA

KOTA BAHARU, 1 Ogos (Bernama) -- Semua cawangan dan bahagian Umno di Kelantan sedang membuat persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan tekad untuk merampas kembali negeri itu daripada PAS.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata jentera pilihan raya di semua peringkat telah digerakkan bagi mengesan dan memperbaiki kelemahan.

"Kita telah turun ke peti-peti undi di setiap bahagian bagi meninjau persiapan yang mereka lakukan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mustapa mengulas arahan Majlis Tertinggi Umno semalam supaya semua cawangan dan bahagian parti itu mengadakan persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka perlu mengadakan latihan dan ujian sebagai sebahagian daripada persediaan menghadapi pilihan raya.

Beliau berkata beberapa kursus diberikan kepada jentera pilihan raya bagi memantapkan lagi gerak kerja mereka.

Program-program penerangan termasuk ceramah yang dibuat di setiap bahagian telah mendapat sambutan menggalakan daripada orang ramai, katanya.

Mengenai pembubaran jawatankuasa Umno Bahagian, pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri, Mustapa berkata di Kelantan tidak ada pihak yang cuba melobi untuk menjadi jawatankuasa penaja itu.

"Di Kelantan tidak ada bahagian baru, maka tidak ada ketua bahagian baru," katanya.

Ditanya muka baru yang mungkin dipilih menganggotai jawatankuasa penaja itu, beliau berkata masih terlalu awal untuk membincangkan perkara itu.

Semalam, Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju agar semua jawatankuasa pengurusan di 165 bahagian Umno dan 25 bahagian baru, serta jawatankuasa pengurusan pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri dibubar dan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata: "Semua bahagian sama ada bahagian yang terlibat dengan persempadan semula, sama ada bahagian yang baru diwujudkan atau bahagian lama, semuanya akan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja termasuk juga pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri".

--BERNAMA

BD ZB